

BRUNEI

28 April – 02 Mei 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: <i>Nation of Brunei, The Abode of Peace</i>

SRI LANKA

25 – 30 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: <i>Definitely</i>

KEMBOJA

19 – 26 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018 : Titian Mahabbah di Bumi Phnom Penh
22 – 26 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Rantai Tasbih Semaikan Kasih ke Kemboja dan Vietnam
24 – 29 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Khidmat Ummah dan Kesukarelawanan Antarabangsa di Bumi Phnom Penh
21 – 25 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara di Bumi Kemboja
25 – 29 Februari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018 : <i>Mahabbah Usim-Cambodia : A Journey to Be Shared</i>
25 - 29 Jun 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: <i>Spread The Joy to Phnom Penh</i>
01 – 06 Julai 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Seminggu Bersua Seabad Terasa Melakar Sejarah di Bumi Kemboja
20 – 25 Ogos 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Misi "Semarak Rahmatan Lil A'alamin di Ardin Cambodia"(Menelusuri Kasih, Menjernihkan Al Adha)
27 Ogos – 01 September 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Titian Mahabbah di Bumi Kemboja

INDIA

20 – 27 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018 : <i>A Week to Remember in so Trichy</i>
28 Mac – 04 April 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Travelog: <i>The Beauty of Kashmir</i>
02 – 07 April 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Mahabbah di Bumi India – Agra dan New Delhi
14 – 19 Januari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Syahadah di Bumi Thailand
28 Januari – 3 Februari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018 : Kembara Peers di Bumi Hatyai
01 – 06 Februari 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: <i>Blooming Humanity di Hatyai dan Krabi</i>
6 – 10 April 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Kembara Mahabbah bersama Masyarakat Muslim 4.0 Krabi
28 Jun – 04 Julai 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Rantauan Siswa di Bo Chet Luk
02 – 07 Julai 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Jaulah Mahabbah di Tanah Thai
20 – 25 Ogos 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Jelajah Hayya Ala Falah ke Krabi
27 – 31 Ogos 2018
Pengembaraan USIM GISO 2018: Sebarkan Mahabbah Tautan Ukhwah at Hatyai and Krabi





AUSTRALIA

22 – 28 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Expedition to Perth

01 – 06 September 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Reaping Kindness in Perth

02 – 08 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Travel to Melbourne

MAGHRIBI

01 – 09 Februari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Tinta Musafir di Bumi Rabat

TURKI

27 Januari – 2 Februari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Syrian We Care@Turki

30 Januari – 9 Februari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
*H.O.P.E For Syrian,
"Holding On, Praying Expectantly*

02 – 08 April 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Travelog Ibrah Menjejak Tinggalan Kerajaan Turki Uthmaniyah

02 – 08 September 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Ziarah Muhibbah ke Istanbul

03 – 11 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Exploring the Culture in Turkey

KOREA

01 – 09 September 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Jaulah Chingu di Bumi Seoul

02 – 10 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Exploring to South Korea

NEW ZEALAND

28 Julai – 05 Ogos 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Wilderness Experience in The City of Souls, Auckland New Zealand

08 – 16 Ogos 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Empower The Islamic Knowledge in New Zealand

JEPUN

20 – 28 Januari 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Jaulah Muslim di Bumi Osaka

24 April – 02 Mei 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Light in Tokyo

27 Jun – 04 Julai 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Miracle In Sakura, Sentuhan Jiwa di Bumi Sakura

01 – 10 Oktober 2018


Pengembaraan USIM GISO 2018:
Haji Me Ma Snite Jepun

01 – 09 November 2018

Pengembaraan USIM GISO 2018:
Traveller's Heart of Tokyo



GAP YEAR VOLUNTEERISM



GAP YEAR

MALAYSIA



**LOMBOK
INDONESIA**



**DHAKA
BANGLADESH**



GAP YEAR

25

JELAJAH SUKARELAWAN KEJIRANAN



JELAJAH SUKARELAWAN NEGERI



JELAJAH SUKARELAWAN DAERAH NEGERI SEMBILAN



Jelajah Sukarelawan

USIM TERIMA ANUGERAH 'BEST INDUSTRY ENGAGEMENT AWARD'

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima Anugerah Best Industry Engagement Award Public Private Research Network (PPRN) sempena Global Entrepreneurship Community (GEC) Summit 2017 di Kuala Lumpur Convention Centre pada 12 Disember 2017.

USIM membawa pulang trofi serta hadiah berjumlah RM50,000 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak serta diiringi oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi.

USIM merupakan antara 26 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang turut serta dalam menyelesaikan permasalahan industri. Peranan utama yang dilaksanakan oleh USIM melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) USIM adalah dengan menganjurkan bengkel PPRN yang mengumpulkan usahawan-usahawan yang menghadapi masalah teknikal dan teknologi dalam operasi perniagaan mereka.



"Dalam tempoh 2015 sehingga kini, sebanyak lapan siri bengkel PPRN telah dianjurkan oleh PPKS dengan mengumpulkan lebih 100 buah syarikat usahawan di sekitar Negeri Sembilan dan turut dihadiri para usahawan dari Melaka, Perak, Johor, Kuala Lumpur dan Selangor. Para usahawan akan dibantu oleh fasilitator yang terdiri daripada pensyarah USIM dan pegawai PPKS bagi mengisi maklumat permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Borang-borang ini seterusnya akan disaring oleh PPKS bagi memastikan maklumat yang dihantar kepada KPT adalah lengkap dan mudah difahami untuk proses selanjutnya," ujar Dr. Ummi Salwa, Pengarah PPKS USIM. "USIM mengekalkan konsistensi dalam menghantar permasalahan teknikal dan teknologi usahawan kepada KPT hingga berjaya diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh KPT," tambahnya lagi.

Dana PPRN bernilai RM50,000 merupakan geran inisiatif KPT dalam menyediakan platform terbaik kepada para penyelidik untuk membantu menyelesaikan masalah industri menggunakan hasil kepakaran dan penyelidikan mereka di institusi pengajian tinggi masing-masing. Selain itu, program ini dapat mengurangkan kos usahawan untuk membeli mesin atau peralatan di pasaran yang mungkin mempunyai kos yang tinggi dan tidak bersesuaian dengan keperluan industri.

Hadir ke majlis penerima penganugerahan adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan yang mewakili Naib Canselor USIM bersama Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Pengarah PPKS USIM dan kakitangan bagi sama-sama meraikan kejayaan.



KOR SUKSIS USIM

CEMERLANG PERTAHANKAN ANUGERAH KHAS KETUA POLIS NEGARA KALI KEDUA

Hasil kerjasama erat antara pengurusan, kakitangan dan para pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) USIM melayakkan Kor SUKSIS USIM menerima Anugerah Khas Ketua Polis Negara kategori Kor SUKSIS Universiti Awam Terbaik 2018. Kejayaan ini sekaligus meneruskan kecemerlangan pada tahun lalu apabila turut menerima anugerah yang sama. Hadiah disampaikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Muhammad Fuzi Harun kepada Komandan Kor SUKSIS USIM, Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Anugerah ini disampaikan sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor SUKSIS Universiti Awam kali ke-14 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 12 Ogos 2018. Pada majlis ini, seramai 1285 pelatih Kor SUKSIS dari 19 buah Universiti Awam telah ditauliahkan dan menerima sijil masing-masing sebagai Inspektor Sukarelawan Polis daripada Ketua Polis Negara termasuk 68 orang daripadanya adalah siswa USIM.

Ketua Polis Negara dalam ucapannya meletakkan harapan ahli-ahli Kor SUKSIS yang menamatkan latihan ini akan menjadi graduan yang cemerlang yang memiliki pengetahuan undang-undang, berdisiplin tinggi dan berketerampilan kerana menjadi generasi yang akan memimpin negara di masa depan.

"Saya yakin dan percaya ahli Kor SUKSIS UA akan menjadi pemangkin ke arah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan selamat serta membantu PDRM" tambahnya.

Majlis pentauliahan ini juga amat bermakna buat tiga orang pelatih Kor SUKSIS USIM apabila dipilih menerima anugerah atas kecemerlangan masing-masing. Muhammad Hakimi Ghazali, pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dipilih Pelatih Terbaik Keseluruhan dan rakannya Muhammad Syafiq Abdullah, pelajar Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko menerima anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar. Manakala anugerah Pelatih Terbaik Latihan Akademik pula diterima oleh Muhamad Nur Fitri Mat Rani yang mengikuti pengajian Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam.

Bagi Muhammad Hakimi, pemilihannya sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan merupakan pencapaian yang tidak disangka beliau apabila menyertai Kor SUKSIS dan amat gembira menerimanya. "Alhamdulillah, sentiasa mendengar arahan jurulatih dan buat yang terbaik dalam tugas diberi memberi rezeki kepada saya untuk menerima anugerah ini." ujar beliau.



"Saya mewakili Pengurusan Universiti amat berbangga dengan kejayaan Kor SUKSIS USIM dan para pelajar kita hari ini. Ini hasil komitmen dan disiplin tinggi yang sentiasa diberikan mereka sepanjang mengikuti latihan. Kejayaan ditauliahkan ini juga terhasil dari kerjasama erat oleh pengurusan Kor SUKSIS kita yang terdiri daripada pegawai penyelaras, pegawai kehormat dan paling utama barisan jurulatih yang tidak jemu berkongsi pengalaman dan ilmu mereka dengan para pelatih," ulas Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM.

Pentauliahan kumpulan kesepuluh Kor SUKSIS USIM pada tahun ini menjadikan seramai 574 Inspektor Sukarelawan Polis telah dilahirkan oleh USIM sejak pengambilan kumpulan sulung pada 2006. Selain mengikuti modul kepolisan yang ditetapkan, pelajar Kor SUKSIS USIM turut aktif dalam program khidmat komuniti luar negara di bawah Global Islamic Students Outreach (GISO) serta terlibat dalam menjayakan pelbagai program utama di dalam universiti antaranya Majlis Konvokesyen, kawalan keselamatan student watch, perbarisan serta program anjuran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

35 KADET KOR SISWA BOMBA USIM

KOHORT PERTAMA DITAULIAH

Majlis Pentauliahan Kor Siswa Bomba Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dianjurkan untuk meraikan pelajar USIM yang telah menamatkan tiga semester latihan sebagai Kor Siswa Bomba. Seramai 35 orang pelajar iaitu 26 perempuan 9 lelaki, kumpulan pertama Kor Siswa Bomba USIM telah berjaya ditauliahkan setelah menjalani 100 jam kredit latihan kebombaan. Kursus badan beruniform ini merupakan pendekatan terbaru Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk memperkenalkan fungsi dan tugas-tugas Jabatan secara lebih menyeluruh.

Ia berbeza dengan pelaksanaan '*Fire Brigade*' atau '*Fire Cadet*' yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi yang lain. Program ini merupakan program yang pertama diwujudkan di IPT dan pada masa kini hanya USIM dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sahaja yang menawarkan kursus Kor Siswa Bomba. JBPM meletakkan matlamat melalui kursus ini para pelatih yang ditauliahkan akan berkhidmat sebagai Pegawai Bomba Bantuan.

Penubuhan Kor Siswa Bomba ini adalah merupakan usaha di antara JBPM dengan Universiti Awam untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai sahsiah diri yang mantap, jati diri yang tinggi dan berpengetahuan dalam bidang kebombaan dan keselamatan kebakaran. Secara tidak langsung ianya akan dapat membentuk pasukan yang berupaya mengendalikan tindakan awal apabila berlakunya sebarang kecemasan di persekitaran kampus dan seterusnya melahirkan komuniti yang mengutamakan budaya keselamatan dalam kehidupan seharian.

Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dalam ucapannya berkata, sejarah dengan hasrat USIM untuk melahirkan graduan yang holistik dan seimbang, inilah antara usaha yang disediakan oleh universiti supaya setiap graduan mampu menyumbang untuk kegemilangan universiti dan pada masa yang sama bakal menjadi peneraju kepimpinan negara pada masa hadapan, di samping dapat menyesuaikan diri dengan mudah apabila dilantik menjadi ketua dalam sesuatu pasukan pada masa akan datang.

"Malahirkan 'penyelamat masyarakat' yang cekap dan cemerlang bukan sahaja bergantung kepada keupayaan akademik semata-mata, tetapi ia juga saling berkait rapat dengan pelbagai faktor antaranya pembentukan sahsiah diri yang baik, tahap disiplin dan nilai-nilai murni yang

tinggi, keterampilan diri yang unggul dan sikap kepimpinan yang terpuji. Inilah di antara ciri yang perlu dan telah disemadikan dalam sanubari Kor Siswa Bomba semua untuk melahirkan seorang graduan yang bukan sahaja berkualiti, bahkan mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara", tambah beliau lagi.

Bersempena Majlis Pentauliahan Kor Siswa Bomba USIM ini, ia dimulakan dengan Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Kehormat kepada Pengurusan dan Pegawai USIM yang dilantik sebagai Pegawai Kehormat Kor Siswa Bomba USIM dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara USIM dan JBPM di *Executive Lounge Canselor* USIM.

Ia seterusnya disusuli dengan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kor Siswa Bomba bertempat di Dataran Canselor USIM dan Majlis Terima Sijil Pentauliahan Kor Siswa Bomba di Dewan Kolej PERMATA Insan. Majlis ini disempurnakan oleh YAS Tuan Mohammad Hamdan Hj Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





KEMASLAHATAN SISWA SISWI

SUMBANGAN KEBAJIKAN 2018

KATEGORI	BILANGAN PENERIMA	SUMBANGAN	JUMLAH
Sumbangan Kematian Ibu/Bapa (kepada pelajar)**	60	RM 500.00	RM 29,800.00
Sumbangan Kematian Pelajar (kepada waris)	7	RM 2000.00	RM 14,000.00
Sumbangan Kemasukan ke Hospital (3 hari dan ke atas)**	11	RM 200.00	RM 2,200.00
Bantuan Bencana	8	Tertakluk kepada keperluan	RM 6,750.00
Bantuan Ehsan	7	Tertakluk kepada keperluan	RM 8,450.00
JUMLAH			RM 61,200.00

** RM400.00 - untuk kematian ibu/bapa sebelum 30 Jun 2016
RM100.00 - untuk kemasukan ke hospital sebelum 30 Jun 2016

SUMBANGAN ZAKAT 2018

BILANGAN PENERIMA	AGIHAN
1129	RM984,100.00

PINJAMAN KECEMASAN 2018

BILANGAN PENERIMA	JUMLAH
70	RM 24,100.00

* maksimum RM 500.00 setiap pinjaman.

Nota - Maklumat adalah sehingga 21 November 2018

